

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]

TARIKH : 25.3.2014

SOALAN :

Y.B. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada peruntukan RM40 juta yang diumumkan kelulusannya oleh Menteri Pendidikan pada tahun lalu sedia untuk digunakan pada tahun 2014 untuk melaksanakan sekolah baru SMK Desa Wawasan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius akan keperluan pembinaan sekolah bagi memastikan kesemua rakyat Malaysia mendapat akses pendidikan yang sewajarnya. Sehubungan dengan itu, kementerian telahpun mengemukakan permohonan peruntukan untuk projek pembinaan SMK Desa Wawasan dalam *Rolling Plan Keempat* bagi pelaksanaan tahun 2015 kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara.